



JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN

NOTIS SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi perkhidmatan berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH BUKA	TARIKH TUTUP
JPeNS/SH/03/2021	PERKHIDMATAN SEWAAN DAN PENYELENGGARAAN KOMPUTER DI JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN	210109	14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)	20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAHARI

2. Pembekal yang berminat hendaklah berdaftar dalam kod bidang yang dinyatakan di atas. Untuk makluman, Kementerian Kewangan Malaysia telah menguatkuasakan penggunaan Kod-kod Bidang baharu dan peraturan baru pendaftaran mulai 17 Jun 2021. Penguatkuasaan ini dikenakan ke atas semua syarikat dan firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia.
3. Dimaklumkan juga bahawa **Dokumen Sebut Harga boleh diambil di Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan**. Semua kos berkaitan Cadangan Tawaran Sebut Harga ini adalah menjadi tanggungjawab Pembekal.
4. Pembekal hendaklah menyertakan sesalinan dokumen sepertimana yang dinyatakan dalam senarai semak yang terdapat dalam Dokumen Sebut Harga.
5. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan perlu disediakan dalam dua sampul surat yang berasingan dan kedua-dua sampul surat tersebut pula hendaklah dimasukkan dalam satu sampul surat yang lebih besar berlakri dan ditulis **TAJUK** dan **NO. SEBUT HARGA di sebelah kiri atas sampul surat** dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga di alamat seperti berikut:

**JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN
ARAS 11, MENARA MAINS, JALAN TAMAN BUNGA
70100 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN**
6. JPeNS tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah atau mana-mana cadangan tawaran. JPeNS berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran.
7. Cadangan Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.